

Ruj. Kami : Bil (61) dlm. BPFK/PPO/03/02 Bhg.3
Tarikh : 22 Jun 2010

SEMUA PEMEGANG PENDAFTARAN

Seperti di Lampiran

Tuan / Puan,

PELANCARAN FASA KETIGA SISTEM QUEST3

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Fasa Ketiga pelaksanaan sistem QUEST 3 yang melibatkan Tiga (3) modul akan dilancarkan secara rasmi pada **1 Julai 2010**. Modul-modul tersebut adalah:

- i) Modul Lesen Pemborong
- ii) Modul Lesen Pengimport
- iii) Modul Lesen Mengilang

3. Sehubungan dengan itu, semua permohonan bagi Lesen Pemborong, Lesen Pengimport serta Lesen Mengilang mestilah dikemukakan melalui sistem QUEST3 mulai **1 Julai 2010**. Permohonan bagi Lesen Pemborong secara manual serta permohonan bagi Lesen Pengimport dan Lesen Mengilang melalui sistem QUEST2 akan ditamatkan pada 30 Jun 2010. Walau bagaimanapun, permohonan untuk lesen-lesen ini yang dibuat melalui sistem manual ataupun sistem QUEST2 sebelum 1 Julai 2010 akan diproses.

4. Untuk makluman tuan/puan, cara permohonan Lesen Pengimport dan Lesen Mengilang dengan sistem QUEST3 adalah sama seperti sistem QUEST2 iaitu melalui laman sesawang BPFK dengan menggunakan "log-in ID" yang sama, katalaluan "Quest3" serta "authentication" Digicert. Permohonan Lesen Pemborong adalah sama dengan di atas tetapi dengan bezanya tidak memerlukan "authentication" Digicert. BPFK akan memberikan "log-in ID" kepada semua pemohon Lesen Pemborong. Tuan/Puan diminta untuk menukar katalaluan semasa tuan/puan "log-in" buat kali pertama.

5. Kami ingin meminta jasa baik tuan/puan untuk memaklumkan semua ahli persatuan tuan/puan berkenaan pelancaran ini bagi menjayakan pelaksanaan sistem QUEST3.


6. Tuan/puan bolehlah menghubungi Cik Nurul Fajar (No. Tel: 03-78835555, emel: fajar@bpfk.gov.my), Cik Zafiah (No. Tel: 78835558, emel: zafiah@bpfk.gov.my), Cik Eva (No. Tel: 78838578, emel: eva@bpfk.gov.my) ataupun menghantar emel kepada quest3@bpfk.gov.my sekiranya tuan/puan memerlukan maklumat tambahan ataupun bantuan dalam perkara ini.

7. Perhatian dan kerjasama dari pihak tuan/puan berkenaan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,



(DR. TAJUDDIN AKASAH)

Timbalan Pengarah Pusat Kawalan Kualiti
b.p. Pengarah Regulatori Farmasi
Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k. Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia